



# **UiTM@Media** **2016**

# Karya Inovasi



UiTM@Media  
2016

# Pupuk daya kreativiti

» Pertandingan Seni Lukis PETRONAS 2015, platform generasi muda memperlihatkan daya kreativiti

Oleh Nor Azma Laila  
norazma@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Lukisan akrilik di atas kayu bertajuk *Future in Survive* yang melambangkan harapan seorang kanak-kanak untuk mempunyai masa depan lebih baik dinobatkan sebagai penerima Anugerah Utama Pertandingan Seni Lukis PETRONAS 2015 anjuran Galeri PETRONAS, di sini baru-baru ini. Karya yang dihasilkan Muhammad Syahmi Jamaluddin, 21, turut dipilih sebagai penerima Anugerah Potensi Menyerlah itu membolehkan beliau membawa pulang hadiah televisyen plasma 60 inci dan kamera digital.

Muhammad Syahmi berkata, kenangan manis zaman kanak-kanak yang masih jelas dalam ingatan, khususnya kegemaran menconteng dinding rumah kayu Melayu tradisional memberikan idea kepadanya untuk menghasilkan lukisan itu, malah meletakkan diri sendiri sebagai imej budak kecil dalam karya berkenaan.

"Saya masih ingat satu masa dulu, saya selalu melukis pada dinding rumah saya, iaitu rumah seni lukis tidak pernah padam dan saya ingin menghidupkan ingatan ini dalam hasil karya saya.

"Oleh itu, saya abadikan lukisan akrilik ini yang menunjukkan stesen jana kuasa dan potret seorang budak kecil yang melambangkan harapan seorang kanak-kanak untuk mempunyai masa depan lebih baik," katanya.

## Mengejar impian kreatif

Sementara itu, Pengarah Galeri PETRONAS, Rosli Abdul Rahim, berkata pertandingan dan pameran itu bagi menyediakan satu platform untuk generasi muda memupuk serta memperlihatkan daya kreativiti mereka.

Beliau berkata, selain itu, bagi membolehkan orang ramai untuk menghargai kepentingan tenaga dalam kehidupan harian sekali gus memastikan kelestarian bekalan tenaga untuk masa depan.

"Saya percaya pelukis yang menyertai pertandingan ini sudah menjalankan penyelidikan dan eksperimen selama berjam-jam.

"Kami menggalakkan pelukis muda supaya terus menghidupkan imaginasi mereka dengan bersikap terbuka terhadap pengalaman baharu dan terus mengejar impian kreatif mereka," katanya ketika berucap pada majlis penyampaian hadiah pertandingan itu.

Pemenang Anugerah Bakat Harapan dan Anugerah Potensi Menyerlah, Nur Muhammad

Amin bin Hashim Amir, 22, yang juga penuntut Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perak, berkata perkara paling penting apabila menyertai pertandingan seni lukis bukanlah untuk memenangi hadiah semata-mata, tetapi untuk menghargai nilai yang sudah dicapai dalam hidup.

"Bagi saya, penyertaan dalam pertandingan adalah batu loncatan untuk menempa kejayaan dalam kerjaya sebagai pelukis pada masa depan," katanya.

## Meluaskan sempadan inovasi

Pertandingan Seni Lukis Tahunan PETRONAS mencerminkan usaha syarikat itu dalam meluaskan sempadan inovasi dengan melestarikan bekalan tenaga untuk masa depan.

Pertandingan itu juga dianjurkan bagi menyediakan platform untuk pelukis baharu menunjukkan kemahiran dan memperlihatkan bakat kreatif serta memasuki dunia seni lukis profesional.

Pertandingan yang bertema 'Tenaga-Sekarang & Masa Depan' itu menerima 437 penyertaan daripada pelukis amatir dan profesional dengan 12 dipilih untuk bertanding pada peringkat akhir bagi merebut anugerah utama serta beberapa kategori lain termasuk Seni Lukis Teknikal Terbaik, Interpretasi Tema Terbaik dan Penyertaan Yang Mendapat Undian Tertinggi.

Kesemua lukisan yang dipertandingkan dinilai oleh panel pelukis profesional tempatan berdasarkan kecemerlangan seni dan keaslian daya cipta dalam mencerminkan tema.

BERSAMBUNG  
DI SEBELAH



Sebahagian daripada pemenang Pertandingan Seni Lukis PETRONAS 2015.

#### INFO

### Senarai nama pemenang Pertandingan Seni Lukis PETRONAS 2015

- Anugerah Pengarah Galeri PETRONAS (Anugerah Utama) - Muhammad Syahmi Jamaluddin
- Anugerah Bakat Harapan - Nur Muhammad Amin Hashim Amir
- Anugerah Potensi Menyerlah - Muhammad Syahmi Jamaluddin; Nur Muhammad Amin Hashim Amir, Lim Zee Chee
- Seni Lukis Teknikal Terbaik/ Best Technical Art - Daniel Sa'adon; Muhammad Aimman Mohd Hafizal, Muhammad Nazmi Abdul Ghafar
- Interpretasi Tema Terbaik - Nur Atiqah Khairul Anuar; Haizumawati Jamil, Siti Humaini Syed Ahmad
- Penyertaan Yang Mendapat Undian Tertinggi - Muhamed Izzfahan, Leong Winkyl dan Eugene Nandakumar



Nur Muhammad Amin memenangi Anugerah Bakat Harapan dan Potensi Menyerlah.

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said  
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim  
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan  
Hanisah Yacob  
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

**Penyelaras Bahan Akhbar**

Hazizi Jantan  
Nor Azlina Nordin  
Samsinah Selamat  
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid  
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,  
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,  
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

